



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PENGALAMAN MENJAGA IBU BAPA TUA  
DALAM KALANGAN ANAK DEWASA MELAYU BERPENDAPATAN  
RENDAH DI KUALA LUMPUR**

**KHADIJAH ALAVI**

**IPSS 2008 3**



**PENGALAMAN MENJAGA IBU BAPA TUA  
DALAM KALANGAN ANAK DEWASA MELAYU  
BERPENDAPATAN RENDAH DI KUALA LUMPUR**

**KHADIJAH ALAVI**

**IJAZAH DOKTOR FALSAFAH  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2008**



**PENGALAMAN MENJAGA IBU BAPA TUA DALAM KALANGAN  
ANAK DEWASA MELAYU BERPENDAPATAN RENDAH DI KUALA LUMPUR**

Oleh

**KHADIJAH BINTI ALAVI**

Tesis ini dikemukakan sebagai Memenuhi Sebahagian  
Keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah  
Universiti Putra Malaysia

Oktober, 2008



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**PENGALAMAN MENJAGA IBU BAPA TUA DALAM KALANGAN  
ANAK DEWASA MELAYU BERPENDAPATAN RENDAH  
DI KUALA LUMPUR**

Oleh

**KHADIJAH BINTI ALAVI**

April 2008

**Pengerusi : Rahim Md. Sail, PhD**

**Institut : Pengajian Sains Sosial**

Kajian ini bertujuan untuk memahami fenomena bagaimana seseorang penjaga (anak dewasa) mengharungi pengalaman dan mengurus aktiviti harian dalam menjaga ibu bapa tua. Kajian ini di buat untuk mendapatkan jawapan bagi tiga soalan berikut: 1) apakah pengalaman yang dilalui oleh anak dewasa dalam menjaga ibu bapa mereka? 2) bagaimanakah anak dewasa ini mengurus kerjaya, keluarga sendiri dan menjaga ibu bapa tua mereka? dan 3) apakah pandangan para ulama dan anak dewasa dari perspektif Islam mengenai tanggungjawab menjaga ibu bapa di dalam suasana perubahan bentuk keluarga dan persekitaran sosial moden dewasa ini?

Kajian kes berpandukan fenomenologi telah dipilih sebagai pendekatan kajian. Responden yang dipilih adalah anak dewasa yang menjaga ibu bapa tua yang berumur lebih daripada 60 tahun, berbangsa Melayu dari keluarga

berpendapatan rendah dan tinggal di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur. Lapan responden telah ditemu bual sebanyak dua kali dalam jarak waktu (*interval*) enam bulan. Setiap temu bual di rakam, dilaporkan secara verbatim dan dianalisis secara perbandingan. Analisis dokumen Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) dan pemerhatian tidak formal terhadap persekitaran rumah responden telah dijalankan. Perbincangan meja bulat antara pembuat dasar, penyampai hadapan, dua orang anak dewasa mewakili responden kajian, jawatankuasa penyeliaan tesis dan pengkaji telah dijalankan untuk mendapatkan triangulasi data dan kebolehpercayaan hasil kajian.

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat dua pengalaman utama dalam kalangan anak dewasa yang menjaga ibu bapa tua, iaitu, sebelum penjagaan (pra pengalaman) dan semasa penjagaan (pengalaman sebenar). Hasil kajian ini juga mendapati bahawa kehidupan harian anak dewasa yang mengambil tanggungjawab menjaga ibu bapa tua dibebani oleh kekangan masa, desakan kewangan, kesihatan diri, fizikal dan tekanan sosio-emosi. Dari aspek pengurusan penjagaan, anak dewasa yang menjaga ibu bapa uzur dan tidak berupaya mengharungi cabaran dan masalah dalam mengimbangi antara kerjaya, keluarga sendiri dan memenuhi tanggungjawab penjagaan ibu bapa mengikut tuntutan agama Islam. Tuntutan agama Islam mengutamakan kewajipan menjaga ibu bapa merupakan salah satu strategi daya tindak yang digunakan oleh responden kajian untuk mengatasi beban penjagaan. Kumpulan responden ini juga mendapat bantuan dan sokongan daripada anggota keluarga, jiran, agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam proses penjagaan ibu bapa tua.

Beberapa cadangan strategik bagi perancangan dan pembangunan program penjagaan untuk anak dewasa telah dihuraikan bagi menangani cabaran dan masalah di peringkat penjagaan anak dewasa, kerajaan, badan bukan kerajaan dan komuniti setempat. Akhir kata, pengalaman sendiri adalah guru yang terbaik, tetapi adalah lebih baik mendapatkan pengajaran dan pembelajaran yang lebih meluas melalui pengalaman orang lain.

Abstract of thesis presented to the Senate of the Universiti Putra Malaysia  
in partial fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**THE EXPERIENCE OF CARING FOR ELDERLY PARENTS  
AMONG LOW-INCOME MALAY ADULT CHILDREN  
IN KUALA LUMPUR**

by

**KHADIJAH BINTI ALAVI**

April 2008

**Chairperson : Rahim Md. Sail, PhD**

**Institute : Social Science Studies**

The main purpose of this study was to understand the nature of adult children caregivers' experiences and how they manage their daily living activities while caring for older parents. The study was carried out to answer three research questions: i) what is the experience of adult children in taking care of elderly parents? ii) how do they manage their careers, own family and parents? and iii) what is the Islamic perspective on filial responsibility towards elderly parents in a challenging family and modern social environment?

A case study guided by phenomenology was chosen as an approach in this study. Selected respondents were Malay adult children caring for elderly parents aged 60 and above, in low income families in Kuala Lumpur. Eight respondents were interviewed twice in a six month interval. Interviews were conducted and recorded using an IC recorder, transcribed verbatim and then analyzed using the constant comparative method. Analysis of authorized JKMM (Welfare Department of Malaysia) documents and systematic



observation were used as focal points on physical facilities such as the housing environment. A round table discussion with policy makers, front liners/implementers, two respondents representing adult children, dissertation supervisor and committee members, and the researcher was conducted to validate the data of the study.

The findings encompassed two major experiences among adult children, which include their experiences before (pre experience) and while (actual experience) taking care of elderly parents. The findings indicated that the adult children are overwhelmed by time constraints as well as financial, health, physical and socio-emotional stress. In managing caregiving, adult children caring for frail and disabled elderly parents face multiple burdens, challenges and problems in balancing their careers, own family and filial obligations, according to the Islamic perspective. Islamic teachings emphasizing the divine favour and honour associated with caring for parents were identified as a coping strategy to overcome their burden. Study respondents also received support from other family members, government agencies and non-government agencies in the process of taking care of their elderly parents.

Strategic planning and program development recommendations for government, non-government, public higher education and local community institutions were put forth to help overcome the challenges and problems faced by adult child caregivers. Finally, the study concludes by emphasizing that one can learn much from his or her own experiences, but it is better to acquire knowledge through the experiences of others.



## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, saya mendapat ilham, keazaman, ketabahan dan kesabaran untuk menyempurnakan kajian dan penulisan disertasi ini. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta ucapan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Prof. Dr. Rahim Md. Sail yang sudi meluangkan masa memberi tunjuk ajar, bimbingan, dorongan dan bantuan dari tahap awal kajian sehinggalah titik akhir penyiapan disertasi ini. Tidak lupa juga diucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Khairuddin Idris, Prof. Madya Dr. Asnarulkhadi Abu Samah, Prof. Dr. Azimi Hamzah, Prof. Dr. Jayum Jawan dan Dr. Ismi Arif Ismail yang memberikan pandangan yang bernas untuk meneruskan penulisan tesis ini. Ribuan terima kasih kepada Prof. Dr. Roziah Omar yang mencetuskan minat dalam bidang gerontologi dan pengalaman bekerja bersama Prof. Madya Dr. Tengku Aizan Hamid telah mendalamkan lagi ilmu mengenai gerontologi sosial. Ribuan terima kasih kepada Sekolah Pengajian Siswazah melantik saya sebagai Pembantu Penyelidik Siswazah di bawah Projek Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia semasa menjalankan penyelidikan dan penulisan tesis.

Ribuan terima kasih ingin saya ucapkan kepada Puan Lai Poh Guat dan Puan Liah Paruik dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia yang telah mengizinkan saya membuat kajian dalam kalangan Penerima Bantuan Kewangan Wilayah Persekutuan dan Selangor. Pegawai Kebajikan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Puan Jama'eah binti Abd. Ghani dan Encik Nizam Kassim dan lain-lain pegawai serta pekerja am di JKM, Wilayah

Persekutuan, yang sentiasa memberi perangsang dan bantuan maklumat dalam menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada keluarga dan ibu bapa yang menjadi responden kajian ini.

Penghargaan dan ribuan terima kasih ditujukan kepada suami tersayang, Yusof Pareeth yang telah banyak memberi inspirasi dan bimbingan penggunaan perisian Nvivo 7. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga yang tersayang iaitu anak saya Afiqah, Ahmed Arief dan Aida Nabilah yang banyak bertolak ansur dan membantu mengurangkan beban ibu yang begitu sibuk di akhir proses penulisan tesis. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih abang dan kakak ipar, Abdul Karim Alavi dan Zahara Hassan. Peringatan kepada Arwah ibu saya, Zainaba Ahmad, pengalaman di akhir hidup beliau memberikan inspirasi kepada penyelidik untuk membukukan pengalaman anak dewasa dalam menjaga ibu bapa. Arwah kakak ipar, Asiah Pareeth ditemu bual sebagai responden pra-uji dan beliau memberi komen yang progresif untuk memurnikan soal selidik kajian.

Akhir sekali, ingin saya tujukan ucapan terima kasih kepada Puan Halimah, Puan Nurul Akhtar, Puan Wan Ruslini dan semua staf di Institut Pengajian Sains Sosial. Kepada semua teman-teman seperjuangan Farizah, Kak Rohaya, Kak Jalila, Kak Shidah, Sidiyah, terima kasih atas sokongan moral dan dorongan yang diberikan kepada saya sepanjang penyelidikan dan penulisan tesis ini.

**Khadijah Alavi**

Oktober, 2008

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Pemeriksa telah berjumpa pada 14 Oktober 2008 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Khadijah binti Alavi untuk menilai tesis Doktor Falsafah beliau bertajuk “Pengalaman Menjaga Ibu Bapa Tua dalam Kalangan Anak Dewasa Melayu Berpendapatan Rendah di Kuala Lumpur” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah berkenaan.

Ahli Pemeriksa Jawatankuasa adalah seperti berikut:

**Aminah Bt Ahmad, PhD**

Profesor,  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Md. Salleh Hj. Hassan, PhD**

Profesor  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Turiman Saudi, PhD**

Profesor  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Dato' Abdul Rahman Embong, PhD**

Profesor  
Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

---

**HASANAH MOHD. GHAZALI, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 27 November 2008

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Rahim Md. Sail, PhD**

Profesor

Fakulti Pengajian Profesional dan Pendidikan Lanjutan

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Khairuddin Idris, PhD**

Pensyarah kanan

Fakulti Pengajian Profesional dan Pendidikan Lanjutan

Universiti Putra Malaysia

(Ahli 1)

**Asnarulkhadi Abu Samah, PhD**

Profesor Madya dan Timbalan Dekan Penyelidikan dan Siswazah

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Ahli 2)

---

**HASANAH MOHD. GHAZALI, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 19 Disember 2008

## **PERAKUAN**

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga mengakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

**KHADIJAH BINTI ALAVI**

Tarikh: 21 Oktober 2008

## ISI KANDUNGAN

## MUKASURAT

<b>ABSTRAK</b>	ii
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>PENGHARGAAN</b>	vi
<b>PENGESAHAN</b>	ix
<b>PERAKUAN</b>	xi
<b>KANDUNGAN</b>	xii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvi

## BAB

### I PENDAHULUAN

Pengenalan	1
Perbandingan Senario Penjagaan di Barat dan Timur	1
Senario Penjagaan di Malaysia	7
Pernyataan Masalah	11
Ojektif Kajian	15
Kepentingan Kajian	16
Batasan Kajian	17
Andaian Kajian	18
Definisi Istilah	19
Rumusan	21

### II SOROTAN LITERATUR

Pengenalan	22
Takrif Generasi Tengah	23
Dimensi Penjaga	24
Gender penjaga	25
Jenis dan intensiti tugas penjagaan	28
Peranan dan kesejahteraan penjaga	29
Kesan penjagaan	32
Makna pengalaman penjagaan	35
Jaringan Sokongan Sosial dan Pendidikan Komuniti	35
Strategi Dayatindak Anak Dewasa	43
Sumber Dayatindak Anak Dewasa	47
Perubahan Sosial dan Kekeluargaan Melayu	50
Tanggungjawab Filial Anak Dewasa Mengikut Perspektif Barat dan Asia	52
Tanggungjawab Anak Dewasa Mengikut Perspektif Islam	56
Hak untuk dihormati dan ditaati	63
Hak untuk dimarahi dan memberi teguran	63
Hak untuk dijaga dan dilindungi	64
Hak untuk diberi bantuan	64
Hak untuk menunjukkan bahasa atau tingkah laku yang baik	65
Kesan Modenisasi Terhadap Penuaan	66
Senario Demografi Penuaan di Malaysia	71
Kerangka Teoretikal Kajian	76
Rumusan	78

<b>III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
	Pengenalan	79
	Reka Bentuk Kajian	79
	Kajian Kes Berpandukan Fenomenologi	79
	Justifikasi Pemilihan Pendekatan Kualitatif	82
	Pra Kajian Lapangan	88
	Kebenaran menjalankan penyelidikan	88
	Pengkaji sebagai instrumen	89
	Kaedah pemilihan Sampel	91
	Kajian Lapangan	95
	Kajian rintis	95
	Kaedah pemerhatian	96
	Kaedah temu bual	97
	Perbincangan meja bulat	100
	Analisis dan Interpretasi Data	102
	Pengurusan data	103
	Menemukan Tema dan Merumuskan Kategori	104
	Kesahan dan Kebolehpercayaan Data	106
	Rumusan	109
<b>IV</b>	<b>DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
	Pengenalan	110
	Latar belakang responden	111
	Profil responden (anak dewasa)	111
	Taraf pendidikan dan pekerjaan responden	116
	Tempat tinggal responden	120
	Hubungan Responden dan Penerima Penjagaan	128
	Penjagaan ibu bapa yang sihat	132
	Penjagaan ibu bapa yang kurang upaya	133
	Penjagaan ibu bapa yang sakit terlantar	137
	Proses Pengalaman Penjagaan di Kalangan Anak Dewasa	140
	Pra pengalaman dan pengalaman sebenar penjagaan	143
	Tanggungjawab Penjagaan	146
	Pengetahuan logikal	154
	Bantuan <i>tangible</i>	156
	Bantuan tidak <i>tangible</i>	157
	Jangka Masa dan Pilihan Menjadi Penjaga	159
	Kesan Penjagaan	169
	Kekangan Masa	169
	Perkembangan Personal	170
	Beban Fizikal	174
	Beban Sosial dan Emosi	176
	Desakkan Kewangan	178
	Kesihatan Penjagaan	184
	Pengurusan Penjagaan dan Jaringan Sosial	189
	Kategori Anak Dewasa Menjaga Ibu Bapa Tua dan Sokongan Sosial berteraskan Pendidikan Komuniti	197
	Strategi dan Sumber Dayatindak Responden	203
	Antara Pandangan Ulama dan Anak Dewasa tentang Penjagaan Mengikut Perspektif Islam	210
	Perbandingan antara Penjagaan Formal dan Tidak Formal	218
	Rumusan	222

<b>V</b>	<b>RINGKASAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	
	Pengenalan	224
	Ringkasan	224
	Kesimpulan	229
	Implikasi Praktis	242
	Implikasi Teori dan Metodologi	251
	Cadangan Kajian Lanjutan	256
	Rumusan	258
	<b>RUJUKAN</b>	260
	<b>LAMPIRAN</b>	282
	<b>BIODATA PENULIS</b>	296



## SENARAI JADUAL

Jadual		muka surat
1	Umur Populasi di Malaysia (Peratus) 1970 – 2005	73
2	Jangka hayat Warga Tua mengikut Jantina di Malaysia	74
3	Taburan Penduduk Warga Tua di Malaysia	75
4	Senarai Bantuan Orang Tua Tahun 2007	92
5	Peserta dan Pembahagian Tugas Perbincangan Meja Bulat	101
6	Kriteria dan Teknik Pemeriksaan Kesahan Data	106
7	Profil Responden (Anak Dewasa)	112
8	Profil Pendidikan, Pekerjaan dan Jenis Rumah Responden	117
9	Hubungan Penjaga dan Penerima Penjagaan	129
10	Aktiviti Kehidupan Harian (ADL) Penerima Penjagaan	131
11	Komponen Utama dalam Proses Penjagaan	141
12	Pengalaman Penjagaan mengikut Responden	160
13	Kategori Beban Penjagaan Berdasarkan Hasil Kajian	170
14	Kategori Anak Dewasa Menjaga Ibu Bapa Tua dan Sokongan Sosial berteraskan Pendidikan Komuniti	199
15	Perbandingan antara Penjagaan Formal dan Tidak Formal	219

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>muka surat</b>
1	Model Jaringan Sokongan Penjagaan dan Pendidikan Komuniti	37
2	Proses Penerimaan Penjagaan dan Pendidikan Komuniti	41
3	Bagaimana Status Warga Tua di Pengaruhi oleh Kesan Modenisasi	68
4	Kerangka Konseptual Pengalaman Anak Dewasa yang Menjaga Ibu bapa Tua	77
5	Model Kontinum Penjagaan Ibu Bapa Sihat, Kurang Upaya dan Sakit Terlantar	92
6	Model Pra Pengalaman dan Pengalaman Sebenar Penjagaan	144
7	Model Kesan dan Proses Pengurusan Penjagaan	188
8	Model Pengurusan Dayatindak Anak Dewasa berteraskan Pendekatan Pendidikan Komuniti	237
9	Model Interaksi Sokongan Sosial	252
10	Model Sokongan Sosial berteraskan Pendidikan Komuniti	254

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### **Pengenalan**

Bab ini membincangkan perbandingan pengalaman penjagaan di Barat, Asia dan senario fenomena penjagaan di Malaysia. Perbahasan berfokus kepada pengalaman anak dewasa berpendapatan rendah yang menjaga ibu bapa tua terutama dalam masyarakat Melayu di bandar. Seajar dengan pembangunan negara dan globalisasi, mampukah anak dewasa itu melaksanakan tanggungjawab penjagaan dalam suasana perubahan struktur keluarga serta mengikut tuntutan agama Islam. Tujuan utama bab ini adalah menyampaikan aspirasi mengenai nilai murni penjagaan dalam kalangan generasi muda dan membalas budi ibu bapa tua yang telah berjasa kepada pembangunan keluarga, masyarakat dan negara.

### **Perbandingan Senario Penjagaan di Barat dan Asia**

Isu penjagaan ibu bapa tua oleh anak dewasa bukanlah perkara baru kerana ini telah berlaku dalam pelbagai tamadun di Barat dan Timur. Kajian di Eropah dan Amerika Syarikat mendapati bahawa penjagaan ibu bapa tua oleh anak dewasa telah bermula pada tahun 1960an; misalnya warga tua sebagai anggota keluarga dalam struktur keluarga masyarakat Amerika (Litwak, 1965; Sussman, 1965; Sussman dan Burchiral, 1962). Fokus kajian pada awalnya tertumpu kepada hubungan kekeluargaan anak dewasa yang tinggal bersama warga tua dan didapati bukan sahaja adanya sanak saudara yang tinggal bersama tetapi juga corak hubungan, tempat tinggal yang berdekatan (*quasi co-residence*), bantuan dan pertolongan yang efektif (Troll,

1971). Usaha ini adalah untuk mengenal pasti corak penjagaan merentasi kajian-kajian lepas adalah agak sukar disebabkan oleh variasi penjagaan yang diperlukan oleh warga tua yang sihat dan mereka yang uzur antara dua paksi yang berbeza. Penjagaan boleh diasaskan kepada empat kategori iaitu: sokongan emosional, peruntukan bekalan keperluan harian, bantuan kewangan dan hubungan dengan organisasi serta pemberi khidmat formal (Harowitz, 1982).

Montgomery, Borgatta dan Borgatta (2000) pula mendapati kebanyakan penyelidikan mengenai beban anak dewasa yang menjaga ibu bapa di Amerika Syarikat terbahagi kepada dua bahagian. Pertama, mendefinisikan dan mengukur beban antara penjagaan ibu bapa tua oleh anak dewasa. Kedua, memfokuskan kepada korelasi dan kesan beban penjagaan bagi ahli keluarga. Penyelidikan ini juga memberi penekanan kepada proses penjagaan dan sokongan serta bantuan penjagaan alternatif untuk anak dewasa yang menjaga ibu bapa mereka.

Alan Walker, et al., (1993) seorang pakar politik-ekonomi Britain telah menghasilkan suatu analisis yang mendalam mengenai isu penjagaan di Eropah. Beliau berpendapat bahawa nilai sosial telah berubah dari era moden kepada era pasca moden. Perubahan ini memberikan impak kepada pengurusan dan pelaksanaan penjagaan terhadap warga tua. Beliau telah mengutarakan suatu artikulasi untuk pembentukan polisi yang menganjur perkongsian beban penjagaan di antara kerajaan dan keluarga (Walker, et al., 1993). Di Australia, kajian tentang timbal-balik intergenerasi bagi memahami

sokongan keluarga terutama anak dewasa yang menjaga warga tua didapati bahawa sokongan kerajaan amat penting dalam merangsang penyediaan perkhidmatan penjagaan warga tua dalam komuniti. Penyediaan penginapan alternatif apabila keluarga gagal melaksanakan tanggungjawab asas (Kendig, 1990).

Sebaliknya di negara-negara Asia Timur dan Asia Barat yang merangkumi negara tamadun besar seperti China, Jepun, Korea, Taiwan, India, Indonesia, Mesir, Arab dan sebagainya mendapati bahawa anak dewasa perlu mengambil tugas untuk menjaga ibu bapa tua mereka. Dalam ajaran *Confucius* tentang *Xiao Jing* atau *Filial Piety*, masyarakat China, Hong Kong, Taiwan, Jepun dan Korea diajar supaya taat kepada perintah ibu bapa walaupun ibu bapa mereka salah atau bertentangan pendapat dengan anak dewasa tersebut (Chow, 1996). Di samping itu, mengikut etika *Confucius* menyatakan bahawa anak lelaki harus mengambil tanggung jawab dalam menjaga ibu bapa tua selari dengan sistem persanakan mengikut garis bapa. Budaya dan etika *Confucius* ini amat mempengaruhi masyarakat Asia Timur, sehingga polisi tersebut ditulis dalam perlembagaan perundangan mereka. Misalnya di negeri China di mana kerajaan mengawal hak untuk migrasi dan berpindah penempatan, tetapi perpindahan atas dasar ingin menjaga ibu bapa tua amat digalakkan dan mendapat keutamaan dalam polisi negara (Liu dan Kendig, 2000).

Kenyataan di atas berbeza dengan dapatan kajian ChorSwang dan DaVanzo (1999) yang menyatakan bahawa anak dewasa dalam masyarakat Melayu,

terutama yang telah berkahwin, agak bebas untuk keluar bekerja atau mencari kerja di mana sahaja. Anak dewasa yang telah berkahwin tidak dipertanggungjawabkan untuk tinggal bersama dengan ibu bapa mereka dan keluarga Melayu adalah mengamalkan sistem bilateral di mana anak dewasa boleh memilih tempat tinggal selepas berkahwin di pihak lelaki atau pihak perempuan.

Di Indonesia, hubungan erat di antara ibu bapa dan anak dewasa dikaitkan dengan norma sosial yang menganggap anak bertanggungjawab ke atas kebajikan ibu bapa tua mereka (Geertz, 1961; Wirakartakusumah, 1998). Penekanan terhadap norma ini dapat dilihat dalam kajian pakar terhadap undang-undang adat yang telah dijalankan dalam survei Kehidupan Keluarga Indonesia. Lebih 99 peratus responden melaporkan bahawa undang-undang adat mempertanggungjawabkan anak dewasa untuk menjaga ibu bapa tua mereka dan 97 peratus menyatakan bahawa jika ibu bapa tinggal bersama seorang daripada anak dewasa mereka, anak dewasa yang lain perlu memberi bantuan tambahan. Tanggungjawab anak dewasa terhadap ibu bapa tua juga merupakan salah satu rukun utama dalam Islam (Mahmood, 1992).

Bagi ibu bapa tua yang tinggal bersama anak dewasa atau bersendirian biasanya bantuan yang diterima daripada anak dewasa merangkumi bantuan kewangan, penyediaan makanan, pembelian barang keperluan harian, penjagaan kebersihan rumah dan mencuci pakaian dan pengangkutan (untuk mengunjungi sanak saudara dan/atau hospital/klinik). Ibu bapa tua di

Malaysia masih bergantung kepada anak dewasa, saudara-mara dan kawan-kawan untuk mendapatkan bantuan tersebut. Keluarga terdekat merupakan pilihan pertama untuk diminta bantuan dan sokongan oleh warga tua yang tinggal dalam komuniti (ChorSwang dan DaVanzo, 1999).

Pernyataan di atas disokong oleh Mohd Taib Osman (1989: 42) yang menyatakan bahawa hubungan antara ibu bapa dengan anak dewasa dalam masyarakat Melayu adalah berdasarkan hormat dan sikap tanggung jawab terhadap satu sama lain. Orang Melayu tidak menerima hakikat apabila anak dewasa tidak mematuhi ibu bapa, tidak menghormati dan tidak mengambil berat tentang kebajikan ibu bapa terutama ketika mereka tua dan uzur. Perbuatan seperti itu bukan sahaja bercanggah dengan ajaran agama, tetapi juga bertentangan dengan harapan masyarakat. Dari perspektif Islam penjagaan warga tua adalah tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh anak dewasa (Mazilan Musa, 2001).

Golongan wanita yang memasuki peringkat umur pertengahan memainkan peranan utama dalam penjagaan ibu bapa tua di United Kingdom dan Amerika Syarikat (Moen, et al. 1994; Dwyer dan Coward, 1992; Stone et al. 1987; Evandrou et al. 1986; Brody, 1985). Oleh itu, tidaklah hairan masih banyak wanita yang melaksanakan tanggung jawab penjagaan ibu bapa tua (Smith, et al. 1994). Dalam situasi ini dikenal pasti anak dewasa perempuan tinggal bersama atau berdekatan dengan tempat tinggal ibu bapa, anak perempuan yang tidak bekerja dan juga anak perempuan yang tidak berkahwin mengambil peranan menjaga ibu bapa mereka (Himes dan Jordan,

1996). Tanggung jawab penjagaan ini mulai berubah dan mewujudkan masalah serta cabaran di mana majoriti wanita mulai memasuki sektor pekerjaan. Keluarga yang dual-pendapatan, perubahan peranan sosial wanita dan kehendak personal wanita, telah mengakibatkan peningkatan dalam bilangan wanita memasuki sektor pekerjaan memberi kesan secara langsung dalam penjagaan ibu bapa tua (Smith et al., 1994).

Tanpa mengambil kira sebab atau motivasi seseorang menjadi penjaga ibu bapa tua, tanggung jawab yang harus dipikul oleh anak dewasa memerlukan komitmen yang amat besar (Cranswik, 1997). Bagi memenuhi keperluan penjagaan ini biasanya memerlukan penyesuaian dalam cara hidup anak dewasa sebagai penjaga dan ianya memberi kesan kepada masa yang perlu diluangkan kepada keluarga dan kawan-kawan, masa personal atau keutamaan yang perlu diberikan kepada kerjaya dan pelbagai pembahagian tugas di rumah (Hoyer, 2003). Bagi anak dewasa, mengambil keputusan dalam menjaga ibu bapa tua boleh menyebabkan mereka mengalami keterbalikan tanggung jawab dan autonomi, perubahan ini boleh mengakibatkan ketegangan dan konflik (Smerglia, et al. 1997). Hasil kajian juga menunjukkan bahawa kesejahteraan penjaga boleh mengalami impak negatif apabila penjagaan digabungkan dengan pekerjaan dan masa penjagaan yang panjang (White-Means dan Thornton: 1990).

Sebaliknya, kemasukan ke rumah penjagaan warga tua akan mewujudkan satu perasaan kegagalan sebagai ibu bapa dan mengakibatkan kehilangan rasa hormat anak-anak (Lee, 1997). Transisi ke rumah penjagaan dan



persekitarannya telah diterima umum sebagai satu peristiwa besar yang mencabar warga tua. Hasilnya, kemungkinan memasuki rumah penjagaan menimbulkan perasaan takut dan kebimbangan yang memberi kesan di akhir kehidupan warga tua (Farrar, et al., 1964). Kesemua faktor-faktor ini menghasilkan perubahan dalam jaringan sokongan asas untuk penjagaan warga tua sehingga mereka terpaksa meninjau kemungkinan bantuan dan sokongan alternatif penjagaan bagi mendapatkan kemudahan penjagaan bagi meringankan beban penjagaan yang dibahu oleh anak dewasa.

### **Senario Penjagaan di Malaysia**

Isu mengenai penjagaan dan perkhidmatan untuk warga tua baru sahaja dikenal pasti secara serius dalam Rancangan Malaysia ke-8. Dalam dekad-dekad yang lalu, penyelidikan tentang tanggung jawab anak dewasa terhadap penjagaan formal dan informal di negara maju telah mencapai tahap antarabangsa. Sebaliknya di negara sedang membangun isu berkaitan penjagaan formal dan informal masih di tahap yang rendah dan kurang mendapat perhatian (Jameelah, et al., 2003).

Di Malaysia, perkembangan dalam teknologi perubatan dan ekonomi telah meningkatkan jangka hayat warga tua, secara tidak langsung fenomena ini telah meningkatkan kepadatan penduduk warga tua di dalam masyarakat Malaysia (Nazileh, 2001). Taburan penduduk Malaysia mengikut umur bagi tahun 2000 menunjukkan bahawa 6.1 peratus atau 1.418 juta orang adalah berumur 60 tahun ke atas. Demografi penuaan ini semakin bertambah secara drastik dan menjelang tahun 2020, adalah dijangkakan bahawa 9.5 peratus